

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SARAVANAN A/L MURUGAN
(TAPAH)**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bentuk bantuan yang disediakan khusus kepada masyarakat India melalui Jabatan Perdana Menteri ataupun Kementerian-kementerian lain terutama dalam membantu pembangunan ekonomi kaum India.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin maklumkan bahawa soalan yang sama telah diutarakan oleh Yang Berhormat pada 10 Julai 2019 dan saya telahpun memberikan penjelasan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, memandangkan Yang Berhormat telah membangkitkan soalan yang sama pada hari ini, saya akan memberi penjelasan sekali lagi.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, peruntukan kerajaan demi meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India di Malaysia adalah disalurkan melalui Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), salah sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri

(JPM). Sejumlah RM 100 juta telah diluluskan bagi tahun 2019. Peruntukan ini adalah untuk membantu masyarakat India Malaysia, terutamanya golongan B40 bagi meningkatkan kualiti hidup mereka melalui pelaksanaan pelbagai program, latihan dan kursus dalam bidang-bidang terpilih. Program sebegini dapat meningkatkan kapasiti dan menjadikan masyarakat India di Malaysia lebih berkebolehan, berdaya saing dan mempunyai kompetensi yang diperlukan serta tidak lagi tergolong dalam kemiskinan tegar.

Dalam hal ini, MITRA dipertanggungjawabkan dalam memastikan peruntukan yang diberikan sampai kepada masyarakat India Malaysia pada peringkat akar umbi agar jurang polarisasi sosioekonomi *inter* dan *intra* kaum dapat ditangani. Program-program pembangunan sosioekonomi bagi masyarakat India di Malaysia yang dilaksanakan melalui Jabatan Perdana Menteri, iaitu dalam hal ini adalah MITRA, telahpun dijelaskan dalam sesi-sesi sebelum ini secara terperinci.

Secara ringkasnya, bentuk bantuan khusus yang disediakan kepada masyarakat India boleh dibahagikan kepada empat bidang iaitu; (i) pendidikan dan latihan, (ii) ekonomi dan kerjaya, (iii) kebajikan dan sosial serta (iv) kerohanian dan keagamaan.

Pada masa ini, MITRA sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan bagi **211 program dan aktiviti** melalui kerjasama strategik dengan badan-badan bukan kerajaan, syarikat, pertubuhan, persatuan serta institusi pengajian tinggi swasta yang mempunyai kepakaran serta pengalaman khusus dalam bidang-bidang keutamaan yang dikenal pasti oleh MITRA bagi tahun ini.

Selain itu, MITRA juga turut bekerjasama dengan Kementerian dan Agensi Kerajaan bagi membolehkan **masyarakat India turut menerima bantuan sewajarnya dan melibatkan diri dalam inisiatif-inisiatif Kerajaan yang bertujuan untuk membangunkan semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum**. Berkaitan ini, masyarakat India juga mempunyai peluang yang sama untuk menikmati **inisiatif-inisiatif tersebut**. Sekian, terima kasih.